

TUNTUTAN KOS BAIKPULIH KEPADA PENGILANG LUAR NEGARA DIBAWAH SUATU WARANTI
TIDAK TERTAKLUK KEPADA PENGENAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP)

TARIKH KUATKUASA: 1 JULAI 2017

Adalah dimaklumkan bahawa YB Menteri Kewangan telah bersetuju supaya tuntutan kos baikpulih di bawah suatu waranti yang dibuat oleh pengedar kepada pengilang di luar negara dianggap sebagai "cost recovery" dan tidak tertakluk kepada kenaan GST dengan syarat-syarat seperti berikut:

- a. *Pengedar di Malaysia perlu mengemukakan permohonan bertulis kepada Ketua Pengarah dengan mengemukakan perkara-perkara berikut;*
 - (i) *Salinan kontrak perlantikan sebagai pengedar dan juga pihak yang menjalankan baikpulih; dan*
 - (ii) *Salinan dokumen berkaitan kos waranti yang dituntut kepada pengilang luar negara;*
- b. *Barang yang diberi waranti adalah barang yang dijual oleh pengilang luar negara kepada pengedar di Malaysia dan barang tersebut merupakan asset perniagaan (stok perniagaan) pengedar tersebut sebelum dijual kepada pelanggan;*
- c. *Pengedar di Malaysia adalah merupakan pihak yang menjalankan kerja baikpulih di bawah suatu waranti yang telah diberi oleh pengilang luar negara;*
- d. *Tuntutan kos baikpulih oleh pengedar di Malaysia adalah bersamaan dengan kos (kos perolehan termasuk kos barang gantian) yang ditanggung oleh pengedar di Malaysia.*
- e. *Sekiranya wujud elemen keuntungan (mark-up) dalam tuntutan yang dibuat oleh pengedar di Malaysia maka layanan yang diluluskan ini adalah tidak terpakai dan CBP 6% hendaklah dikenakan ke atas amaun yang di bayar;*
- f. *Pengedar di Malaysia perlu menyimpan rekod yang berkaitan dengan tuntutan seperti dokumen berikut;*
 - (i) *invois /invois cukai kepada pengedar di Malaysia yang menunjukkan kos perolehan termasuk kos barang gantian untuk membaikpulih barang di bawah suatu waranti;*
 - (ii) *invois atau dokumen tuntutan kepada pengilang luar negara yang mengandungi butir-butir kos perolehan termasuk kos barang gantian;*
 - (iii) *bukti bayaran tuntutan yang dibuat oleh pengilang luar negara kepada pengedar di Malaysia;*
 - (iv) *kontrak waranti kepada pelanggan yang mengandungi terma-terma waranti dan tarikh pembekalan barang yang diliputi oleh waranti; dan*
 - (v) *borang pesanan baikpulih (repair order form) atau seumpamanya yang ditandatangani oleh pelanggan;*
- g. *Layanan ini adalah tidak terpakai sekiranya:*
 - (i) *tuntutan kos baikpulih dibawah suatu waranti dibuat oleh pengedar di Malaysia kepada pengilang di Malaysia;*
 - (ii) *barang dijual sendiri oleh pengilang luar negara kepada pelanggan tanpa melalui pengedar di Malaysia dan pengilang melantik pihak ketiga bagi menjalankan perkhidmatan baikpulih di bawah suatu waranti; dan*
- h. *Apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dari masa ke semasa.*

Nota:

- ***Sebarang pertanyaan boleh dibuat kepada:***

1. Sektor 2, Bahagian GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Tingkat 3 – 7, Blok A, Menara Tulus, No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3, 62100 Putrajaya. Email: gstsector2@customs.gov.my
No. Tel: 03 88822614 / 03 83111306.
2. Unit Kawalan Kemudahan, Bahagian GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Tingkat 3 – 7, Blok A, Menara Tulus, No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3, 62100 Putrajaya. No. Tel: 03 83237535.

- ***Permohonan bertulis hendaklah dibuat melalui:***

Unit Kawalan Kemudahan, Bahagian GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Tingkat 3 – 7, Blok A, Menara Tulus, No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3, 62100 Putrajaya. No. Tel: 03 83237535.